



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 3  
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN  
PERSIARAN BUKIT UTAMA,  
47800 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN  
TEL : 03-77276166



---

Rujukan Kami : BU3.600-2/1/2 (3)  
Tarikh : 10 FEBRUARI 2021

Kepada,  
Ibu bapa / Penjaga Murid,  
SMK Bandar Utama Damansara 3

Tuan,

**SURAT MAKLUMAN CUTI SEMPENA TAHUN BARU CINA DAN PENGURUSAN SEKOLAH SEPANJANG PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak sekolah ingin memaklumkan bahawa permohonan Cuti Peristiwa pada 15 Februari 2021 telah diluluskan. Oleh itu, tiada sesi PdPR dilaksanakan dari 10 – 15 Februari 2021 kerana Cuti Sempena Tahun Baru Cina 2021.

3. Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 akan berlangsung dari 22 Februari 2021 hingga 25 Mac 2021. 30 orang guru telah dilantik sebagai Penyelia Kawasan / Ketua Pengawas dan Penolong Pengawas peperiksaan tersebut. Beberapa orang guru lagi akan ditugaskan mengurus keperluan calon SPM 2020 di sekolah. Guru-guru lain akan diletakkan sebagai Pengawas Simpanan dan boleh dipanggil bertugas pada bila-bila masa apabila diperlukan.

4. Murid-murid **Tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5 Tahun 2021** akan mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) sepanjang tempoh peperiksaan SPM 2020 berlangsung. Pihak sekolah akan menghadapi masalah kekurangan guru kerana mereka telah dilantik sebagai petugas peperiksaan. Sehubungan itu, sesi PdPR secara bersemuka dalam talian (Google Meet / Zoom Meet) tidak dapat dilaksanakan. Semua guru akan menyediakan bahan PdPR termasuk perkongsian video, nota ringkas dan latihan pengayaan dan ulangkaji melalui Google Classroom dan WhatsApp kelas masing-masing. Murid-murid masih dapat menghubungi guru-guru pada masa yang sesuai sepanjang tempoh tersebut.

5. Pihak sekolah akan sentiasa berusaha mematuhi sepenuhnya Garis Panduan Pengurusan Peperiksaan Awam tahun 2021 seperti yang diarahkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan itu, kerjasama tuan /puan amat diharapkan untuk mengambil tindakan berikut :

- i- Memastikan anak / jagaan berada dalam keadaan **SIHAT**, menjaga kebersihan diri dan tidak menunjukkan gejala awal Covid-19 sebelum **HADIR** ke sekolah. Borang Deklarasi Tahap Kesihatan wajib diisi setiap hari.

- ii- Menghantar dan mengambil sendiri anak/jagaan di sekolah /dan memastikan penjarakan sosial diamalkan di dalam bas / van sekolah.
- iii- Menyediakan bekalan makanan dan minuman untuk anak / jagaan. Pihak kantin hanya dibenarkan menjual makanan berbungkus. Tempahan makanan akan dibuat setiap pagi. Murid dibenarkan makan di dalam bilik peperiksaan dengan pengawasan guru. Amalan berkongsi makanan dan minuman serta peralatan **TIDAK DIBENARKAN**.
- iv- Membantu anak / jagaan belajar dan bersedia menghadapi peperiksaan
- v- Memberikan motivasi kepada anak / jagaan untuk terus belajar dan berjaya dengan cemerlang dalam SPM 2020.

6. Untuk memastikan keselamatan dan kesihatan murid, guru dan warga sekolah diutamakan semasa mereka berada di sekolah, pihak sekolah akan melaksanakan tindakan berikut :

- i- Membuat saringan suhu badan diambil di semua pintu masuk sekolah dengan memastikan mana-mana individu dengan **suhu 37.5°C** dan ke atas **TIDAK DIBENARKAN MASUK**.
- ii- Memastikan pematuhan penjarakan sosial dan amalan kebersihan tangan
- iii- Mewajibkan pemakaian pelitup muka pada setiap masa
- iv- Membuat hebahan berkenaan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri
- v- Menyediakan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah

7. Besarlah harapan kami agar pihak tuan dapat memastikan anak / jagaan tuan / puan iaitu **Calon SPM 2020 HADIR** ke sekolah untuk menduduki peperiksaan ini mengikut jadual yang ditetapkan. Pihak sekolah akan memberikan makluman terkini kepada tuan / puan dari semasa ke semasa. Segala kerjasama tuan / puan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT, DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**HAJAH ROS BINTI LIZAN**  
Pengetua Cemerlang DG54  
SMK Bandar Utama Damansara 3  
Sekolah Kluster Kecemerlangan

s.k 1. Fail